

## **KAJIAN AWAL PERSPEKTIF IBU BAPA BERKAITAN INFORMASI AWAL IBU BAPA YANG MENGHADAPI ANAK GANGGUAN SPEKTRUM AUTISME (ASD)**

### ***Preliminary Study on Parental Perspectives Regarding Early Information for Parents Dealing with Autism Spectrum Disorder (ASD) Children***

Iyilia Binti Mohamad<sup>1\*</sup>, Fairuz 'Ain Binti Harun<sup>2</sup>, Mohamad Albaree Bin Abdul<sup>3</sup>, Norly Binti Jamil<sup>4</sup>, Nur Ain Farhana Binti Kariuddin<sup>5</sup>, Mohd Norhafizi Bin Arof<sup>6</sup>, Nurul Akma Binti Jamil<sup>7</sup>, Intan Farahana Binti Abdul Rani<sup>8</sup>

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA<sup>1,2,3,4,5,6,7 & 8</sup>

iyilia@fpm.upsi.edu.my<sup>1</sup>, fairuz\_ain@fpm.upsi.edu.my<sup>2</sup>, albaree@fpm.upsi.edu.my<sup>3</sup>, norly@fpm.upsi.edu.my<sup>4</sup>, nurainfarhana@fpm.upsi.edu.my<sup>5</sup>, norhafizi.arof@fpm.upsi.edu.my<sup>6</sup>, nurulakma.jamil@fpm.upsi.edu.my<sup>7</sup>, intanfarahana@fpm.upsi.edu.my<sup>8</sup>

\*Corresponding Author

**Received:** 1 November 2023; **Accepted:** 22 July 2024; **Published:** 19 August 2024

**To cite this article (APA):** Mohamad, I., Harun, F. 'Ain, Abdul, M. A., Jamil, N., Kariuddin, N. A. F., Arof, M. N., Jamil, N. A., & Abdul Rani, I. F. Preliminary Study on Parental Perspectives Regarding Early Information for Parents Dealing with Autism Spectrum Disorder (ASD) Children. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(2), 1–15. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.2.1.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.2.1.2024>

### **ABSTRAK**

Penerimaan ibu bapa terhadap anak yang mempunyai Gangguan Spektrum Autisme (ASD) bukan suatu yang mudah. Ibu bapa menghadapi pelbagai persoalan dan tekanan tentang perihal kelakuan anak yang ditunjukkan ketika mereka membesar. Justeru itu, ibu bapa akan mula mendapatkan informasi berkaitan tingkah laku anak, simptom, rawatan, terapi, agensi dan pelbagai lagi yang berkaitan sebagai langkah awal tindakan mereka. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meneroka perspektif ibu bapa tentang informasi awal yang dicari bagi menghadapi anak Gangguan Spektrum Autisme (ASD). Pendekatan kualitatif telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan ke atas 24 orang ibu bapa yang mempunyai anak Gangguan Spektrum Autisme (ASD) sama ada yang telah disahkan oleh pakar atau yang sedang dalam rawatan atau terapi untuk proses pengesanan. Hasil dapatan temu bual dengan menggunakan analisis tematik telah menghasilkan empat tema iaitu saluran dan kandungan informasi, khidmat sokongan, rawatan dan terapi serta hala tuju anak-anak autisme. Kesimpulannya, ibu bapa yang mempunyai anak Gangguan Spektrum Autisme (ASD) sangat memerlukan informasi awal berkaitan autisme ini bagi memastikan anak mereka berada pada trek atau keperluan yang sepatutnya. Memandangkan kajian ini hanya meneroka tentang informasi yang ibu bapa perlukan, dicadangkan agar pengkaji akan datang untuk meneroka tentang keperluan keluarga autisme seperti bantuan kewangan, agensi, latihan dan bengkel untuk membantu serta memberi sokongan kepada keluarga yang mempunyai anak autisme.

**Kata kunci:** Autisme, ASD, Keibubapaan, Pengetahuan, Kesedaran dan Informasi

## **ABSTRACT**

*Acceptance for parents of children with Autism Spectrum Disorder (ASD) is not an easy feat. They grapple with various challenges and pressures concerning their child's behavior as they grow up. As a result, parents begin seeking information about their child's behavior, symptoms, treatment options, therapy, agencies, and various other relevant matters as an initial step in their course of action. The conducted study aims to explore the perspectives of parents regarding the initial information required to navigate the challenges of raising a child with autism spectrum disorder (ASD). A qualitative approach was chosen, utilizing purposive sampling of 24 parents who have children with autism, whether formally diagnosed by experts or currently undergoing treatment or therapy for the confirmation process. The findings from interviews were analyzed thematically and yielded four overarching themes: information channels and content, support services, treatments and therapies, and the trajectory of children with autism. In conclusion, parents of children with Autism Spectrum Disorder (ASD) are in dire need of early-stage information regarding this condition, ensuring that their child is on the appropriate path to meet their specific needs. Given that this study only explores the informational needs of parents, it is recommended that future research endeavors delve into the broader requirements of families with autism, including financial assistance, relevant agencies, training, and workshops to provide comprehensive support to families with children diagnosed with autism.*

**Keywords:** *Autism Spectrum Disorder, ASD, Parenting, Knowledge, Awareness AND Information*

## **PENGENALAN**

Kanak-kanak autisme pada masa kini bukan lagi suatu yang jarang dijumpai, malah, menurut data daripada *World Health Organization (WHO)*, (2023), dianggarkan bahawa di seluruh dunia ini, kira-kira 1 dalam 100 kanak-kanak menghadapi sindrom autisme ini atau lebih dikenali sebagai Gangguan Spektrum Autisme atau *Autism Spectrum Disorder (ASD)*. Terkini, dalam kajian Hyman et al. (2020) menyatakan autisme ini dianggarkan dihidapi 1 dalam 54 orang kanak-kanak. Berdasarkan *American Psychiatric Association is Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders (DSM- 5)*, (2013) autisme ini dikelaskan sebagai gangguan dalam perkembangan kanak-kanak. Manakala Genovese dan Butler (2020) dalam kajian mereka menyatakan ciri-ciri autisme ialah satu keadaan di mana individu mengalami kesukaran dalam berkomunikasi secara sosial dan mempunyai tingkah laku yang berulang atau terhad yang tidak biasa.

Keadaan ini biasanya muncul pada awal tempoh perkembangan kanak-kanak iaitu sebelum mereka mencapai usia 3 tahun (Bujang et al., 2020). Kanak-kanak autisme boleh dikategorikan kepada dua kategori, iaitu Autisme Berfungsi Tinggi (*High- Functioning Autism, HFA*) dan Autisme Berfungsi Rendah (*Low-Functioning Autism, LFA*). Menurut DSM-5, (2013), kategori autisme ini diklasifikasikan berdasarkan kepada tahap simptom mereka dan juga tahap keperluan sokongan yang diperlukan. Selain itu, autisme ini juga mempunyai tiga tahap iaitu (1) memerlukan sokongan; (2) memerlukan sokongan substantial; dan (3) memerlukan sokongan sangat substantial.

Namun, sebab atau punca bagi Gangguan Spektrum Autisme (ASD) ini tidak dapat dipastikan secara tepat. Walau bagaimanapun, kajian oleh Genovese dan Butler (2020) menunjukkan bahawa gabungan faktor genetik dan persekitaran turut memainkan peranan. Bujang et al. (2020) turut menyokong dan menyatakan hal yang sama iaitu genetik menyumbang sebanyak lebih kurang 38% dan selebihnya adalah daripada faktor persekitaran dan neurologi.

Bagi ibu bapa yang mempunyai anak menunjukkan ciri-ciri sindrom autisme ini biasanya akan mengalami pelbagai emosi yang tidak stabil dan negatif di awalnya seperti tidak percaya, tidak pasti, kecewa dan kehilangan (Aguiar & Pondé, 2020; Fahlevy, 2022). Rasa tidak percaya dan penafian awal mungkin berubah kepada perasaan duka, meratapi terhadap nasib anak-anak ini di masa hadapan iaitu ketakutan dan ketidakpastian tentang masa depan yang boleh menjadi luar biasa (Martins et al., 2021). Menurut beliau lagi, peringkat penafian atau tidak boleh menerima kenyataan ini bergantung pada keluarga masing-masing untuk menerimanya. Perkara ini turut

diketengahkan dalam kajian Rasmussen et al. (2020) yang menyatakan hanya segelintir kajian yang memberi tumpuan terhadap emosi ibu bapa dalam menangani maklumat apabila dimaklumkan diagnosis autisme terhadap anak mereka.

Walau bagaimanapun, apabila ibu bapa mempelajari dan memperoleh informasi tentang autisme, mereka akan mula memahami dan menerima dugaan yang datang. Kasih sayang dan penerimaan berkembang ketika ibu bapa mula menghargai kekuatan unik anak mereka. Mereka menjadi penyokong, pelindung buat anak mereka. Malah dalam kajian oleh Aguiar dan Pondé (2020), terdapat segelintir dari ibu bapa yang terus meminta untuk menjalankan intervensi terhadap anak mereka kerana percaya kepada perubahan positif yang boleh berlaku terhadap anak mereka. Setiap kemenangan, usaha dan kegigihan kecil yang ditunjukkan oleh anak mereka akan dihargai. Melalui semua ini, kasih sayang dan komitmen yang teguh dari ibu bapa menjadi landasan bagi pertumbuhan dan perkembangan anak mereka (Lydia Pook dan Suziyani Mohamed, 2023).

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk meneroka perspektif ibu bapa tentang informasi awal bagi menghadapi anak *Autisme Spectrum Disorder* (ASD).

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Kekangan dan cabaran ibu bapa mempunyai anak *Autisme Spectrum Disorder* (ASD)**

Ramai ibu bapa di luar sana sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam membesarkan dan mendidik anak-anak istimewa ini terutama anak autisme. Menurut Bujang et al. (2020) dan Laili et al. (2021), ibu bapa ini juga dilihat mengalami tahap tekanan yang lebih tinggi berbanding ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang membesar secara normal atau anak-anak dengan keadaan lain seperti Sindrom Down atau orang kurang upaya (OKU) seperti buta, pekak, bisu dan sebagainya. Malah menurut kajian-kajian ini lagi, akibat kurang pendedahan kepada masyarakat berkenaan penyakit autisme ini menyebabkan berlakunya pandangan atau stigma yang negatif terhadap individu dan keluarga pesakit autisme ini. Kajian yang dijalankan oleh Mud et al. (2021) turut menyokong bahawa akibat daripada kurang kesedaran dalam masyarakat ini, ia boleh menyebabkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme ini tidak lagi membawa anak mereka keluar rumah kerana keadaan di mana masyarakat memandangi anak-anak autisme sebagai satu masalah. Menurut Yaacob et al. (2021) keadaan ini menyebabkan stigma masyarakat memandangi ibu bapa seperti tidak pandai menjaga anak atau mempunyai anak yang berperilaku tidak baik.

Selain itu, satu kajian yang dijalankan oleh Shepherd et al. (2020) menyatakan bahawa anak autisme yang semakin meningkat dewasa memberi cabaran kepada ibu bapanya dengan simptom dan juga tingkah laku mereka. Oleh yang demikian, hal ini membuatkan ibu bapa mereka menjadi tertekan dan terdapat laporan yang menyatakan ibu bapa dikaitkan dengan isu kesihatan mental seperti kebimbangan dan kemurungan (Manisah dan Nur Farahana, 2020). Antara cabaran yang ibu bapa hadapi adalah mendapatkan keputusan pengesanan autisme terhadap anak mereka, kewangan, sokongan dan juga isu pemakanan terhadap anak autisme.

#### **i. Pengesanan awal Autism**

Bagi isu pengesanan awal, McCarty dan Frye (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa antara yang menyebabkan kanak-kanak autisme sukar dan lewat mendapat rawatan serta terapi adalah disebabkan oleh proses pengesanan dan diagnosis yang mengambil masa yang agak lama sebelum mereka disahkan menghidap autisme. Van't Hof et al. (2021) juga menyokong dengan menyatakan bahawa untuk membuat diagnosis autisme perlu menunggu sehingga kanak-kanak berumur 2.5

tahun yang biasanya akan dilakukan melalui pemerhatian terhadap lewat pertuturan dan kemahiran linguistik mereka.

Di Malaysia, cara pengesanan awal yang dilaksanakan ialah penggunaan soal selidik *Modified-Checklist for Autism (M-CHAT)* yang diisi oleh ibu bapa melalui Buku Rekod Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sujana dan Augustine (2023) melaporkan bahawa autisme boleh dikesan seawal 18 bulan dengan menggunakan senarai semak M-CHAT di dalam buku rekod kesihatan kanak-kanak. Menurut beliau lagi, jika keputusan M-CHAT ini tidak mencapai 90%, kanak-kanak tersebut akan dirujuk ke hospital untuk rawatan selanjutnya oleh pakar pediatrik.

Namun begitu, prosedur pengesanan autisme ini mengambil masa yang agak panjang disebabkan oleh pelbagai janji temu dan ujian-ujian yang perlu dijalani oleh kanak-kanak sebelum disahkan menghidap autisme (McCarty dan Frye, 2020). Perkara ini turut disokong oleh kajian Yaacob et al., (2021) dengan responden menyatakan aduan mereka terpaksa menunggu tarikh temujanji yang lama untuk janji temu kali pertama, masa janji temu yang lama, slot intervensi yang terhad, dan prosedur yang kompleks di hospital kerajaan. Hal-hal ini sedikit sebanyak memberi tekanan dan terdapat di antara mereka yang terpaksa mengalah dan bertukar mendapatkan perkhidmatan di hospital swasta selain ada juga yang tidak meneruskan janji temu kerana kekangan masa dan tuntutan kerja.

## **ii. Sokongan ahli keluarga**

Laili et al. (2021) menyatakan ibu bapa yang mempunyai anak OKU memerlukan dua jenis sokongan iaitu i) daripada keluarga untuk menerima qada' dan qadar atas ketentuan yang telah diberikan iaitu mempunyai anak autisme dan juga ii) sokongan daripada tempat kerja serta rakan sekerja bagi ibu bapa yang bekerja. Sokongan-sokongan ini akan memberikan mereka motivasi untuk menjalani kehidupan dan mengurangkan tekanan yang dihadapi. Walaupun begitu, masih ada kajian yang menyatakan bahawa ibu bapa tidak mendapat sokongan dari ahli keluarga dan komuniti yang menyebabkan mereka merasa terasing kerana mempunyai anak autisme (Shilubane & Mazibuko, 2020). Kajian oleh Yaacob et al. (2021) turut menyokong dengan menyatakan kekecewaan ibu apabila tidak mendapat sokongan daripada suami dan keluarga terdekat.

## **iii. Pemakanan**

Selain itu, faktor pemakanan juga adalah antara yang membimbangkan ibu bapa kerana kanak-kanak yang mengalami autisme berhadapan dengan cabaran yang serius berkaitan dengan pemakanan. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kanak-kanak dengan autisme sering mengalami masalah atau isu berkaitan dengan pilihan makanan (Monteiro et al., 2020). Mereka cenderung memilih makanan yang sama sahaja berulang kali dan menunjukkan keengganan untuk mencuba makanan baru. Kanak-kanak yang mengalami autisme sering menunjukkan tanda-tanda ketidakselesaan yang ketara terhadap makanan yang mempunyai tekstur, rasa, atau aroma yang janggal bagi mereka. Kajian yang dijalankan oleh Adams (2022) mendapati bahawa kanak-kanak di bawah usia 2 tahun yang mengalami autisme menunjukkan kesukaran semasa proses penyusuan dengan penolakan terhadap susu ibu dan kesukaran menerima makanan pepejal. Malah menurut beliau, mereka juga menunjukkan tingkah laku yang bermasalah ketika makan.

#### **iv. Kewangan**

Selain mempunyai anak autisme memberi tekanan emosi kepada ibu bapa, kewangan iaitu perbelanjaan untuk anak-anak juga dilihat memakan belanja yang tinggi dari segi perbelanjaan untuk rawatan, terapi, pemakanan dan juga kelas dan bengkel yang untuk ibu bapa hadir bagi menambah pengetahuan mereka terhadap pengurusan anak autisme (Bujang et al., 2020; Mud et al., 2021). McCarty dan Frye (2020) dalam kajian mereka turut menyokong bahawa perbelanjaan anak-anak autisme yang agak besar untuk menyokong mereka dari segi pendidikan, rawatan dan sistem sosial mereka.

Menurut Shepherd et al., (2020) dalam kajian mereka menyatakan bahawa ibu bapa daripada golongan yang berpendapatan rendah dan pendidikan rendah akan lebih cenderung untuk tertekan kerana menghadapi masalah kewangan dalam membesarkan anak autisme kerana tuntutan keperluan dan perbelanjaan mereka yang besar berbanding dengan keperluan anak tipikal.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual berstruktur dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Maklumat yang diterima daripada responden terdiri daripada 24 orang ibu bapa yang mempunyai anak Gangguan Spektrum Autisme (ASD) sama ada yang telah disahkan oleh pakar atau yang sedang dalam rawatan atau terapi untuk proses pengesahan. Soalan temu bual telah digunakan dalam kajian ini. Satu janji temu secara atas talian telah diadakan untuk menjalankan sesi temu bual ini. Hal ini adalah bagi memudahkan capaian melibatkan responden yang tinggal dari pelbagai buah negeri dan dalam masa sama dapat menjimatkan masa serta perbelanjaan. Responden juga merasakan lebih mudah menggunakan kaedah ini kerana menurut mereka, mereka mempunyai masa tersendiri untuk menentukan janji temu memandangkan masing-masing mempunyai komitmen tugas kerja, rumah, keluarga dan anak autisme sendiri yang perlu diberikan perhatian.

Soalan temu bual jenis berstruktur ini telah disahkan oleh tiga orang pakar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak dan juga bidang Pendidikan Khas. Sebanyak 8 soalan dikemukakan untuk mendapatkan pandangan ibu bapa dari sudut carian informasi, kewangan, rawatan dan terapi serta berkaitan pusat dan sekolah untuk anak-anak autisme. Pandangan ibu bapa ini telah dianalisis menggunakan analisis tematik.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Dapatan Latar Belakang Responden**

Berdasarkan latar belakang responden yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah, didapati bahawa wakil daripada ibu adalah yang paling ramai menjawab kajian ini dengan 75% berbanding bapa hanya 25%. Kebanyakan daripada ibu bapa juga adalah dalam kalangan mereka yang berumur antara 35 hingga 39 tahun masing-masing dengan  $Min=4.9167$  bagi umur ibu dan  $Min=5.0417$  bagi umur bapa. Kategori umur ini adalah dalam kategori umur yang matang bagi seorang ibu bapa.

Manakala pendapatan isi rumah paling tinggi adalah mereka yang dalam golongan T20 jika mengikut status pendapatan isi rumah di Malaysia. Golongan ini adalah mereka yang berpendapatan tinggi, iaitu RM 10501 ke atas. Di tingkat kedua tertinggi pula adalah dari kalangan

mereka yang berpendapatan katagori M40 iaitu antara RM 3001 hingga RM4500. Manakala terdapat juga dalam kalangan responden yang mempunyai pendapatan antara RM 1500 hingga RM 3000. Hal ini memainkan peranan yang penting dalam sesebuah keluarga kerana dengan mempunyai anak autisme, ibu bapa memerlukan perbelanjaan yang tinggi ke atas kos rawatan, terapi, penjagaan dan juga pemakanan bagi sesetengah yang mempunyai masalah memilih makan.

Akhir sekali, kebanyakan daripada responden adalah terdiri dari mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang menghadapi autisme iaitu dengan 83.3% seramai 20 orang daripada 24 responden kesemuanya. Walaupun hanya seorang, ia tetap memberi pelbagai kesan kepada keluarga kerana menjaga anak autisme bukanlah suatu yang mudah.

Jadual 1  
*Latar Belakang Responden Kajian*

	Item	Frekuensi	Peratus		Sisihan Piawai
<b>Jantina</b>	Lelaki	6	25.0	<b>Min</b> 12.50	.44233
	Perempuan	18	75.0		
	Total	24	100.0		
<b>Umur Ibu</b>	30-34 tahun	9	37.5	<b>Julat</b> (30-34 Tahun)	1.13890
	35-39 tahun	12	50.0		
	40-44 tahun	1	4.2		
	45-49 tahun	1	4.2		
	55-59 tahun	1	4.2		
	Total	24	100.0		
<b>Umur Ayah</b>	30-34 tahun	5	4.9167	<b>Julat</b> (30-34 Tahun)	.99909
	35-39 tahun	16	66.7		
	40-44 tahun	2	8.3		
	55-59 tahun	1	4.2		
	Total	24	100.0		
<b>Pendapatan bulanan Keluarga</b>	RM 1501-3000	1	4.2	<b>Julat</b> (RM 3001 - 4500)	2.18319
	RM 3001-4500	6	25.0		
	RM 4501-6000	2	8.3		
	RM 6001-7500	1	4.2		
	RM 7501-9000	4	16.7		
	RM 9001-10500	2	8.3		
	RM 10501 ke atas	8	33.3		
	Total	24	100.0		
<b>Bilangan anak yang menghadapi autisme</b>	1	20	83.3	<b>Min</b> 1.250	.60792
	2	2	8.3		
	3	2	8.3		
	Total	24	100.0		

### Dapatan Temu bual Responden

Soalan temu bual dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Terdapat empat tema hasil dari analisis ini iaitu **saluran dan kandungan informasi, khidmat sokongan, rawatan dan terapi serta hala tuju anak-anak autisme.**

#### Tema 1: Saluran dan Kandungan Informasi

Hasil daripada analisis data temu bual, terdapat dua perkara yang penting iaitu saluran informasi dan kandungan informasi.

Melalui pengalaman semua responden, mereka menyatakan bahawa langkah pertama yang mereka lakukan semasa proses mengenal pasti anak-anak autisme ialah mendapatkan maklumat melalui saluran informasi di internet. Pencarian maklumat dimulakan dengan pencarian secara rawak berkaitan autisme (Responden 5,6,7,9,10,11,13,15,16,18). Selain itu, responden 3,4,8,19,20 juga menyatakan media sosial seperti *Facebook*, *Telegram*, *Instagram* dan *Tik tok* merupakan saluran yang mereka ikuti daripada pengalaman dan perkongsian ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme.

*“saya tengok IG (Instagram) seorang selebriti ni..dia ada anak autisme..banyak yang dia share..dari situ la saya dapat tahu..oo..begini..”* (Responden 3)

Terdapat juga ibu bapa yang mendapatkan informasi secara langsung dengan pakar, komuniti ibu bapa yang mempunyai masalah yang sama dan mengikuti seminar berkenaan anak-anak autisme.

*“saya berasa risau dengan perkembangan anak saya..saya terus buat appointment dengan pakar..dari situ pakar beritahu saya apa yang patut lakukan”* (Responden 21)

*“..yang mana lebih penting untuk pergi ke terapi swasta dulu (jumpa ot atau speech therapy) sbb dulu saya agak keliru juga.. Dan mereka suggest untuk jumpa OT dahulu untuk baiki motor skill dan fokus anak..”* (Responden 23)

*“kawan saya perkenalkan saya dalam satu group ni. Group itu group untuk mak ayah yang ada anak autisme..banyak informasi kat situ..”* (Responden 20)

Pada peringkat awal menghadapi anak-anak autisme, 12 daripada 24 orang responden bersetuju bahawa kandungan informasi awal dan panduan berkenaan autisme sangat diperlukan sebagai salah satu bantuan dan sokongan kepada ibu bapa. Dalam kajian ini, kebanyakan responden adalah dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang telah disahkan autisme. Mereka menyifatkan bahawa pendedahan awal berkenaan ciri-ciri anak-anak autisme dan intervensi awal adalah sangat penting. Menurut Responden 11,

*“Ciri-ciri anak-anak autisme dan intervensi awal daripada pakar membantu saya dalam mengenal pasti anak saya autisme atau tidak..”*

Hal ini juga disokong dan ditambah oleh Responden 14,

*“jika saya dapat tahu tentang agensi yang boleh membantu saya untuk menguruskan anak autisme..mungkin lebih memudahkan saya..”*

Selain pengetahuan asas tentang ciri-ciri kanak-kanak autisme, informasi tentang sektor dan agensi yang diiktiraf yang dapat membantu ibu bapa untuk menghadapi anak-anak autisme juga penting. Melalui dapatan kajian, agensi-agensi ini dapat memberikan sokongan kepada ibu bapa untuk memahami anak-anak autisme dan mencadangkan rawatan dan terapi yang bersesuaian mengikut keperluan kanak-kanak tersebut.

Responden 20 dan 23 masing-masing menyatakan informasi tentang bantuan yang disediakan oleh kerajaan kepada anak-anak autisme juga sangat penting serta pendedahan kepada ibu bapa tentang pengurusan anak-anak autisme di rumah.

*“..tingkah laku, terapi yang perlu dibuat atau aktiviti yang perlu dibuat peringkat awal di rumah...” (Responden 23)*

*“ibubapa kena tahu..1. Cara untuk mengenal pasti Autism 2. Siapa yang kita perlu rujuk jika anak terdapat tanda2 Autism 3. Bantuan kerajaan kepada anak2 Autism” (Responden 20)*

## **Tema 2 : Rawatan dan Terapi**

Aspek rawatan dan terapi merupakan aspek yang kritikal di mana sebahagian dari responden menyuarakan respon yang sama. Terdapat tiga persoalan utama yang menjadi tanda tanya kepada responden berkaitan rawatan dan terapi iaitu tempat, bentuk dan jenis rawatan dan terapi. Responden 6 menyuarakan seperti ini,

*“apabila anak saya begini, saya sangat risau dan terus berfikir, apa agaknya rawatan yang terbaik, fikiran buntu, tidak tidur malam kerana tak tahu rawatan apa yang perlu dimulakan..”*

Disokong juga dengan Responden 7,

*“erm, macam mana lah rawatan untuk anak saya nanti, sakit ke dia, sebagai bapa saya tidak sanggup jika melihat kepayahan anak saya, saya kenal dia”*

Seramai dua belas responden yang lebih menyatakan tentang bagaimanakah bentuk rawatan dan terapi yang akan dimulakan (Responden 5,8,9,11,12,13,15,16,17,18,21,23). Berbeza pula dengan responden 8 kerana anak responden ini telah mendapatkan rawatan dan telah memulakan sesi terapi.

*“Saya dah survey tempat yang untuk kanak-kanak autism ni, then, saya hantar Qaisara masuk. Saya tengok sendiri teacher dia one to one dengan anak saya. Saya bersyukur dan lega lihat perkembangan terapinya.”*

Terdapat ibu bapa yang tidak mempercayai rawatan dan terapi mampu meningkatkan perkembangan anak-anak autisme dengan memberi respon sebegini,

*“saya percaya anak saya ni boleh sihat normal kalau dia pergi sekolah macam orang lain, terapi tu macam sama je progress dengan dulu, ni saya lihat dari anak kawan saya” (Responden 4)*

## **Tema 3 : Hala Tuju dan Masa Depan Anak-Anak Autisme (ASD)**

Ibu bapa menunjukkan rasa ingin tahu yang tinggi dalam aspek masa depan anak-anak autisme dan apakah bentuk peluang pekerjaan yang akan diperoleh. Melalui pengalaman ibu bapa dan atas kesedaran sendiri, terdapat seramai dua belas responden yang telah memikirkan apakah hala tuju dan masa depan anak-anak autisme.

Menurut Responden 22,

*“Apakah potensi masa depan anak saya, kalau sensori ok, ada cikgu tu kata boleh saja kerja, tapi ada yang kata tak akan sihat, saya pun hanya mampu berserah”*



Responden 7 juga menyatakan kerisauan yang sama iaitu,

*“Life pathway. Support system. Opportunity, these three things are in my concern. really wondering about this”*

Pandangan respon dari Responden 6 & 24 yang masing-masing memahami kemungkinan yang akan berlaku pada masa hadapan anak-anak ini dengan menyatakan pendirian mereka.

*“...berat saya nak cerita tentang hala tuju mereka ni.. saya faham sangat keadaan fizikal dan kemampuan kognitif anak, tapi saya hanya mampu redha pada yang Allah S.W.T”*  
(Responden 6)

*“tujuan kami (maksud saya dan ayah dia) hantar anak ni ke pusat terapi, ingin lihat anak ini membesar normal, tapi itu lah, saya pun susah nak kata..dengan progress macam ni, saya hanya beri semangat dan dengar pandangan daripada doktor sahajalah”* (Responden 24)

Majoriti responden (Responden 3,11,15,19,20,21,22) memberikan respon menunjukkan mereka masih lagi kurang informasi dan mempercayai anak mereka akan menjadi seperti kanak-kanak normal apabila mereka dewasa kelak. Antara contoh salah satu responden adalah,

*“...nanti dia besar, harap dia boleh la kerja biasa macam orang lain, tak pe lah kecil-kecil pergi sana (pusat terapi)..* (Responden 15)

*“kerja macam biasa je lah kot, tak kan dah besar saya bagi makan lagi....”* (Responden 19)

*“kalau dia (anak) tak kerja dengan company besar, mungkin boleh start berniaga kecil-kecilan macam saya ataupun buat online business, macam tu la kot...”* (Responden 22)

#### **Tema 4: Khidmat Sokongan**

Ibu bapa berpendapat khidmat bahawa sokongan adalah antara perkara paling penting yang perlu diketahui sebagai informasi awal mereka mendapatkan maklumat berkaitan keadaan anak mereka.

Menurut Responden 3,

*“saya percaya support system adalah benda utama yang saya perlukan...biasa la dalam menghadapi ujian ini... serabut...kita kena share dengan orang lain dan cari tempat nak meluah....so saya terus join group fb yang berkaitan untuk saya bertanya pengalaman dan pendapat parent lain.”*

Responden 7 juga menekankan tentang khidmat sokongan ini,

*“I need a support system in various aspects, especially social and emotional.”*

Setiap keluarga dan anak adalah unik, jadi penting untuk mendapatkan sokongan dan maklumat yang disesuaikan dengan keperluan dan keadaan anak serta keluarga masing-masing. Sokongan dari profesional kesihatan, kumpulan sokongan, komuniti dan pelbagai sumber dapat membantu ibu bapa dalam mendapatkan maklumat awal ini.

Menurut Responden 1,

*“saya pergi jumpa terapis untuk belajar, join group dan baca info di internet berkaitan cara nak handle anak saya ni masa mula-mula tahu dia ada ciri autisme ni.”*

Responden 8, 13,18,20,23 dan 24 juga menyatakan perkara yang sama iaitu dengan menyertai kumpulan sokongan tertentu dapat membantu mereka mendapatkan maklumat.

Selain itu, media sosial juga memainkan peranan yang penting dalam kehidupan ibu bapa ini. Hal ini kerana berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa ramai ibu bapa yang memberikan jawapan bahawa Facebook, Whatsapp dan Telegram adalah antara platform yang mereka gunakan bagi berkongsi kisah serta pengalaman.

Menurut Responden 8,

*“kami ada whatsapp group ibu bapa autisme untuk share info dan berkongsi pendapat.... guna whatsapp lagi senang dapat jawapan... cepat sikit mereka reply kalau tanya apa-apa.”*

Manakala menurut Responden 24,

*“saya join semua la group-group media sosial ni....fb, tele, whatsapp yang berkait autisme memang saya join.... kelab autisme pun saya daftar juga.....saya rasa kat tempat-tempat ni semua banyak saya dapat ilmu baru.”*

## **PERBINCANGAN**

### **Saluran dan Kandungan Informasi**

Ibu bapa yang mempunyai anak dengan autisme memerlukan maklumat dan panduan yang tepat untuk membimbing mereka dalam memberikan sokongan terbaik. Pandangan ibu bapa dalam kajian ini menunjukkan bahawa mereka mendapatkan maklumat berdasarkan pembacaan, carian di internet serta pengalaman rakan yang mempunyai anak autisme untuk memahami dan mengenal pasti tentang autisme. Kajian oleh Shilubane dan Mazibuko (2020) mendapati bahawa ramai ibu bapa yang menunjukkan kekurangan pengetahuan mengenai *Autism Spectrum Disorder* (ASD). Sesetengah ibu bapa mengakui kurang memahami autisme, walaupun mereka mempunyai anak yang berada dalam gangguan spektrum ini. Terdapat responden yang juga percaya bahawa autisme dikaitkan dengan ilmu sihir (gangguan jin atau saka) disebabkan oleh perubahan mendadak dalam tingkah laku anak-anak mereka selepas tahun pertama kehidupan yang kelihatan normal. Penemuan ini menyerlahkan kepentingan menyediakan maklumat yang tepat bagi mengelakkan dari berlakunya salah tanggapan tentang autisme, terutamanya dalam konteks budaya tertentu.

Menurut Crane et al. (2018), dalam kajian temu bual dengan orang dewasa yang mempunyai masalah autisme, ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme dan golongan professional turut mendapati wujud masalah dalam proses untuk memahami serta menerima autisme daripada responden. Masalah yang dihadapi mereka adalah ketidakpastian tentang tanda-tanda utama, tingkah laku dan ciri-ciri yang berkaitan dengan autisme, maklumat yang tidak jelas dan prosedur yang tidak konsisten untuk mengakses diagnosis autisme. Isu ibu bapa yang tidak mempunyai informasi dan panduan awal terutamanya untuk diagnosis awal merupakan perkara serius yang perlu diberikan perhatian. Sebanyak 46 kajian lepas secara konsisten menunjukkan bahawa maklumat semasa diagnosis adalah sangat penting kepada ibu bapa. Ibu bapa melaporkan bahawa mereka sangat menghargai dan menginginkan maklumat serta cadangan yang dapat

disesuaikan khusus untuk keperluan anak mereka, berbanding dengan maklumat yang lebih generik tentang autisme (Makino et al., 2021)

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa mendapatkan maklumat utama melalui media sosial yang turut menjadi medium untuk mereka mendapatkan pandangan awal serta berkongsi pengalaman dengan mereka yang mengalami isu yang sama. Dapatan kajian ini adalah sejajar dengan dapatan kajian oleh Daniel Shepherd et al. (2020) yang mendapati bahawa ibu bapa bagi kanak-kanak yang mempunyai autisme mempunyai pandangan yang mana laman rangkaian sosial telah menyediakan platform yang mesra pengguna untuk mendapatkan nasihat atau sokongan 24 jam sehari, cepat mendapat maklum balas dan medium untuk mendapatkan perspektif daripada pelbagai individu. Menurut Abel et al. (2019), analisis melibatkan pelbagai kumpulan *Facebook* berkaitan autisme yang mempunyai pengikut hampir sejuta orang ahli, mendapati bahawa kira-kira 60% daripada kumpulan ini bertujuan untuk memberikan sokongan, dengan lebih separuh (57%) menyasarkan ibu bapa secara khusus. Saha dan Agarwal (2016) pula menyatakan bahawa platform seperti *Twitter* dan *Blog* boleh menyediakan ibu bapa dengan sokongan rasa kekitaan dan maklumat berharga tentang cara menangani cabaran membesarkan anak yang menghidap autisme.

### **Khidmat Sokongan**

Ibu bapa dalam kajian ini mempunyai persamaan dari segi perspektif bahawa khidmat sokongan sangat diperlukan bagi menghadapi cabaran dalam membesarkan anak autisme ini. Khidmat sokongan sosial terutamanya dapat membantu mengurangkan rasa kesunyian dan membolehkan ibu bapa berkongsi pengalaman dengan individu yang memahami situasi mereka. Ibu bapa juga memerlukan sokongan emosi untuk menghadapi cabaran dan tekanan yang berkaitan dengan membesarkan anak autisme. Melalui sokongan sosial juga boleh memberikan maklumat dan nasihat yang relevan berkaitan dengan autisme dan kaedah rawatan. Menurut Zakaria dan Tauhaid (2018), perhubungan dengan ahli keluarga yang menyokong dan sokongan dari ibu bapa kepada anak autisme yang lain tentunya boleh mengurangkan tekanan mereka. Ibu bapa bagi kanak-kanak autisme sangat memerlukan sokongan keluarga besar, daripada adik-beradik mereka serta keluarga terdekat. Mereka akan lebih kuat untuk menghadapi ujian ini jika dapat 'bersandar' kepada keluarga besar.

Satu kajian yang dijalankan oleh Daniel Shepherd et al. (2020) telah melibatkan seramai 674 orang sukarelawan ibu bapa bagi menilai pelbagai jenis sokongan sosial dan fungsinya (emosi, kewangan, maklumat) dalam mengurangkan tekanan keibubapaan. Hasil kajian ini mendapati bahawa sokongan tidak formal (bantuan fizikal dan emosi yang diberikan oleh keluarga dan rakan) dan media sosial dilihat lebih membantu berbanding sokongan formal (perkhidmatan profesional yang ditawarkan oleh organisasi atau agensi), yang secara umumnya dilihat bersifat neutral. Hal ini jelas menekankan tentang kepentingan untuk menangani keperluan sokongan ibu bapa yang mempunyai anak autisme secara berterusan terutamanya dalam mendapatkan informasi awal dalam membantu anak-anak mereka. Menurut Joana Prata, Wenn Lawson dan Rui Coelho (2019), sekiranya ibu bapa berasa disokong, terdidik dan lebih yakin dengan keupayaan mereka untuk membantu anak mereka, mereka akan menjadi penyokong yang lebih baik untuk memastikan keperluan dan sokongan terhadap anak mereka dipenuhi dengan baik.

## **Rawatan dan terapi**

Menurut McCarty et al. (2020), antara terapi yang terbukti dapat membantu pesakit autisme adalah terapi modifikasi tingkah laku yang sangat penting untuk diberikan di awal usia mereka. Rawatan dan terapi lain juga dikatakan boleh membantu pesakit autisme jika ia dapat dilakukan di awal usia. Menurut Van't et al. (2021), dalam kajiannya menyatakan bahawa pengesanan awal yang membawa kepada rawatan awal menunjukkan peningkatan dalam kebolehan kanak-kanak autisme dalam bahasa dan kognitif. Ibu bapa perlu mempunyai semangat yang kuat dalam memberi sokongan dan semangat kepada anak autisme ketika mereka menjalani sesi rawatan serta terapi.

Namun begitu, menurut Muhammad Haziq dan Nurul Akma Jamil (2019) dalam kajiannya melaporkan agak sukar bagi ibu bapa yang tinggal di luar bandar untuk mendapatkan perkhidmatan bagi anak-anak autisme kerana isu kekurangan fasiliti yang disediakan. Justeru itu, ibu bapa perlu ke bandar yang mengambil masa, perbelanjaan yang besar dan jarak perjalanan yang jauh untuk mendapatkan perkhidmatan.

Terdapat pelbagai jenis terapi yang boleh dilaksanakan bagi peningkatan perkembangan bagi anak-anak autisme, salah satu daripadanya adalah *Animal-Assisted Therapy (AAT)*. Intervensi AAT dapat mengembangkan kemampuan sosial, bahasa, kelakuan serta peningkatan kemahiran motor anak-anak autisme (Sirait & Desiana, 2019). Terapi Bermain (*Play Therapy*) juga terdapat persamaan dengan terapi AAT yang mana mampu meningkatkan perkembangan terhadap kemahiran sosial dan juga kemahiran motor halus (Anggraini et al., 2022) seperti terapi bermain jenis menggunting (Raharjo et al., 2014). Jenis terapi *Applied Behaviour Analysis (ABA)* pula mampu melatih keterampilan yang tidak dimiliki anak, mula memberi respon secara sederhana dari segi kontak mata atau interaksi sosial (Tialani et al., 2023). Menurut Der Loke et al. (2013), Pendekatan Terapi Lukisan adalah intervensi yang digemari dan mudah dilaksanakan oleh semua pihak. Malah, intervensi ini memberi banyak kesan yang baik dari segi psikomotor, kemahiran komunikasi dengan rakan dan juga ekspresi emosi melalui lukisan jika dilakukan secara berterusan.

## **Hala Tuju Anak-anak Autisme**

Pembinaan sesebuah kehidupan keluarga yang memberi peningkatan perkembangan yang baik kepada anak-anak adalah dengan adanya motivasi dalam menjaga dan mengasuh anak (Wibowo & Naufal, 2022). Oleh itu, ibu bapa yang mempunyai anak autisme memerlukan sokongan dan motivasi yang lebih dalam meningkatkan kekuatan mental bagi merancang hala tuju kehidupan anak-anak mereka. Hal ini adalah kerana ciri-ciri autisme yang wujud dalam diri anak-anak akan kekal sepanjang hayat mereka (Ying & Mohamed, 2023). Sebagai ibu bapa sudah semestinya berasa gusar tentang hala tuju anak-anak mereka yang menghadapi autisme kerana mereka merasakan ianya adalah tanggungjawab mereka dalam kehidupan dan masa depan anak mereka (Riyahi et al., 2017).

Hala tuju anak-anak autisme pada masa hadapan akan menjadi berbeza pada setiap individu mengikut kepada kemampuan mereka (Ying & Mohamed, 2023). Intervensi-intervensi yang cuba dilaksanakan kepada anak autisme ni adalah untuk membantu anak-anak ini untuk mengenalpasti kemahiran-kemahiran yang perlu dipertingkatkan. Oleh yang demikian, ibu bapa boleh mencuba sehabis baik dalam memberikan intervensi-intervensi yang terbaik mengikut kesesuaian tahap ASD anak-anak supaya mereka mampu untuk berdikari dan mendapat pendidikan yang terbaik pada masa hadapan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme memerlukan panduan dan bimbingan bagi mendapatkan informasi awal yang tepat berkaitan dengan autisme yang dialami oleh anak mereka. Informasi awal ini sangat penting bagi membantu ibu bapa berhadapan dengan cabaran anak-anak autisme ini. Informasi yang komprehensif mampu untuk membantu ibu bapa memahami kesan terhadap setiap keputusan atau tindakan yang diambil (Khairuddin, 2022).

## CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Kajian yang dijalankan adalah hanya sebahagian untuk mendapatkan perspektif awal ibu bapa yang mempunyai anak autisme terhadap informasi-informasi yang diperlukan. Oleh yang demikian, dicadangkan untuk kajian akan datang untuk pengkaji meneroka keperluan-keperluan keluarga dengan anak autisme seperti bantuan kewangan, agensi, latihan dan bengkel untuk membantu serta memberi sokongan khusus kepada mereka.

## RUJUKAN

- Abel, S., Machin, T., & Brownlow, C. (2019). Support, socialise and advocate: An exploration of the stated purposes of Facebook autism groups. *Research in Autism Spectrum Disorders*, 61, 10–21. <https://doi.org/10.1016/j.rasd.2019.01.009>.
- Adams, S. N. (2022). Feeding and Swallowing Issues in Autism Spectrum Disorders. *Neuropsychiatric Disease and Treatment*, 18 (October), 2311–2321. <https://doi.org/10.2147/NDT.S332523>
- Aguiar, M. C. M. D., & Pondé, M. P. (2020). Autism: impact of the diagnosis in the parents. *Jornal Brasileiro de Psiquiatria*, 69, 149-155.
- Alibrandi, A., Zirilli, A., Loschiavo, F., Gangemi, M. C., Sindoni, A., Tribulato, G., Lo Giudice, R., & Famà, F. (2023). Food Selectivity in Children with Autism Spectrum Disorder: A Statistical Analysis in Southern Italy. *Children*, 10(9), 1553. <https://doi.org/10.3390/children10091553>
- American Psychiatric Association. *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders (DSM-5)*, 5th ed.; American Psychiatric Association: Washington, DC, USA, 2013
- Anggraini, I. R., Alifatin, A., Aini, N., & Pradita, V. G. (2022). The Effect of Play Therapy Among Children with Autism: A Scoping Review. *Jurnal Aisyah: Jurnal Ilmu Kesehatan*, 7(1), 287-294.
- Ardic, A. (2020). Relationship between Parental Burnout Level and Perceived Social Support Levels of Parents of Children with Autism Spectrum Disorder. *International Journal of Educational Methodology*, 6(3), 533-543.
- Azimah Abdullah. (2017). Kemahiran Kognitif dan Sosial Kanak-Kanak Autisme Dalam Permainan Numerasi. Tesis PhD, USM
- Bujang, N. A., Jima'ain, M. T., & Saari, Z. (2020). Penerapan Konsep IKHLAS dalam menyantuni anak istimewa (autisme)(Implementation of IKHLAS Concept in treating special needs). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2).
- Crane, L., Batty, R., Adeyinka, H., Goddard, L., Henry, L. A., & Hill, E. L. (2018). Autism diagnosis in the United Kingdom: Perspectives of autistic adults, parents and professionals. *Journal of autism and developmental disorders*, 48, 3761-3772.
- Der Loke, J., Zakaria, A. R., & Lau, P. L. (2013). Pendekatan Terapi Lukisan dalam Kalangan Kanak-kanak Autisme. *Journal of Special Needs Education*, 3, 92-108.
- Fahlevy, I. (2022). Tesis Disertasi, Penerimaan Diri pada Ibu yang Memiliki Anak Autisme. UNIVERSITAS MEDAN AREA, INDONESIA
- Genovese, A., & Butler, M. G. (2020). Clinical assessment, genetics, and treatment approaches in autism spectrum disorder (ASD). *International journal of molecular sciences*, 21(13), 4726.
- Hyman, S. L., Levy, S. E., Myers, S. M., Kuo, D. Z., Apkon, S., Davidson, L. F., ... & Bridgemohan, C. (2020). Identification, evaluation, and management of children with autism spectrum disorder. *Pediatrics*, 145(1).
- Khairuddin, K. F. (2022). Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas Kategori Autisme di Sekolah Rendah: Perspektif Ibu Bapa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001286-e001286.
- Laili, N. binti, Abdullah, W. A. W., Toran, H., Amin, A. S., & Alias, R. (2021). Challenges and Support for Parents of Children With Autism Spectrum Disorder at Work. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(12), 655-669.
- Lydia Pook, Y. Y. & Suziyani Mohamed. (2023). Perancangan Masa Depan Kanak-Kanak dengan Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD): Perspektif Ibu Bapa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*,

8(2), e002116.<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2116>

- Manisah Mohd Ali & Nur Farahana Ismail @ Mohd Ismail. (2020). Meneroka Cabaran yang Dihadapi oleh Ibu dalam Menguruskan Anak Berkeperluan Khas : Exploring the Challenges Faced by Mothers in Managing Children with Special Needs. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 4(2), 63-75. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol4no2.86>
- Makino, A., Hartman, L., King, G., Wong, P. Y., & Penner, M. (2021). Parent experiences of autism spectrum disorder diagnosis: A scoping review. *Review Journal of Autism and Developmental Disorders*, 1-18.
- Martins, R., Carvalho, N., Carvalho, R., & Batista, S. (2021). Autism spectrum disorder: impact of diagnosis on children's parents. *Int J Family Community Med*, 5(2), 63-6
- McCarty, P., & Frye, R. E. (2020, October). Early detection and diagnosis of autism spectrum disorder: why is it so difficult?. In *Seminars in Pediatric Neurology* (Vol. 35, p. 100831). WB Saunders.
- Monteiro, M. A., dos Santos, A. A. A., Gomes, L. M. M., & Rito, R. V. V. F. (2020). Autism spectrum disorder: A systematic review about nutritional interventions. *Revista Paulista de Pediatria*, 38. <https://doi.org/10.1590/1984-0462/2020/38/2018262>
- Mud, S. C., Sham, F. M., & Ali, M. M. (2021). Kaedah pengawalan tingkah laku bagi anak mengalami Autisme: Controlling methods of tantrum behaviour for children with Autism. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(2), 733-744.
- Muhammad Haziq Mohd Sharif & Nurul Akma Jamil (2019), Cabaran ibu bapa bersama kanak-kanak kecelaruan spektrum autisme (ASD): tinjauan literatur. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 4(1), 33-43.
- Paolucci, C., Giorgini, F., Scheda, R., Alessi, F. V., & Diciotti, S. (2023). Early prediction of Autism Spectrum Disorders through interaction analysis in home videos and explainable artificial intelligence. *Computers in Human Behavior*, 148, 107877.
- Pinna, R., De Simone, S., Cicotto, G., & Malik, A. (2020). Beyond organisational support: Exploring the supportive role of co-workers and supervisors in a multi-actor service ecosystem. *Journal of Business Research*, 121, 524-534.
- Prata, J., Lawson, W., & Coelho, R. (2019). Stress factors in parents of children on the autism spectrum: An integrative model approach. *International Journal of Clinical Neurosciences and Mental Health*, 6(2), 1-9.
- Raharjo, D. S., Alfiyanti, D., & Purnomo, S. E. (2014). Pengaruh terapi bermain menggantung terhadap peningkatan motorik halus pada anak autisme usia 11–15 tahun Di Sekolah Luar Biasa Negeri Semarang. *Karya Ilmiah*.
- Rasmussen, P. S., Pedersen, I. K., & Pagsberg, A. K. (2020). Biographical disruption or cohesion?: How parents deal with their child's autism diagnosis. *Social Science & Medicine*, 244, 112673.
- Riyahi, A., Yazdani Ghadikolaee, S., Kolagar, M., Azami Sarukolaii, A., Abdolrazaghi, H., Rafiei, F., & Mohammadbeigi, A. (2017). Comparing the parenting role tasks in parents of children with mental/physical disabilities. *International Journal of Pediatrics*, 5(6), 5079-5089.
- Saha, A., & Agarwal, N. (2016). Modeling social support in autism community on social media. *Network Model Analysis Health Inform Bioinforma*, 5, 8. <https://doi.org/10.1007/s13721-016-0115-8>.
- Shepherd, D., Goedeke, S., Landon, J., & Meads, J. (2020). The types and functions of social supports used by parents caring for a child with autism spectrum disorder. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 50, 1337-1352.
- Shilubane, H., & Mazibuko, N. (2020). Understanding autism spectrum disorder and coping mechanism by parents: An explorative study. *International journal of nursing sciences*, 7(4), 413-418.
- Sirait, J. S., & Desiana, S. M. (2019). Animal-Assisted Therapy sebagai Pengobatan Pasien Autism Spectrum Disorder pada Anak. *Jurnal Ilmu Keperawatan Jiwa*, 2(3), 169-174.
- Sujana, D. S., & Augustine, D. P. (2023). Diagnosis of autism spectrum disorder: A review of three focused interventions. *SN Computer Science*, 4(2), 139.
- Tialani, K. T., Solikhin, N. H., & Susilo, S. (2023). PENGARUH TERAPI ABA PADA ANAK TERDIAGNOSA AUTISM SPECTRUM DISORDER. *Jurnal Cakrawala Ilmiah*, 2(6), 2325-2334.
- Van't Hof, M., Tisseur, C., van Berckeleer-Onnes, I., van Nieuwenhuyzen, A., Daniels, A. M., Deen, M., ... & Ester, W. A. (2021). Age at autism spectrum disorder diagnosis: A systematic review and meta-analysis from 2012 to 2019. *Autism*, 25(4), 862-873.
- Vasilakis, M., Polychronis, K., Panagouli, E., Tzila, E., Papageorgiou, A., Thomaidou, L., Psaltopoulou, T., Tsolia, M., Sergentanis, T. N., & Tsitsika, A. K. (2023). Food Difficulties in Infancy and ASD: A Literature Review. *Children*, 10(1), 1–12. <https://doi.org/10.3390/children10010084>
- Wibowo, B. S., & Naufal, A. F. (2022). POLA ASUH PADA ANAK AUTISM. *Journal of Innovation Research and Knowledge*, 2(7), 2729-2732.
- Yaacob, W.N.W.; Yaacob, L.H.; Muhamad, R.; Zulkifli, M.M. Behind the Scenes of Parents Nurturing a Child with Autism: A Qualitative Study in Malaysia. *Int. J. Environ. Res. Public Health* 2021, 18, 8532. <https://doi.org/10.3390/ijerph18168532>
- Ying, L. P. Y., & Mohamed, S. (2023). Perancangan Masa Depan Kanak-Kanak dengan Kecelaruan Spektrum Autisme (ASD): Perspektif Ibu Bapa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002116-

e002116.

Zakaria, S. M., & Tauhaid, N. S. M. (2018). Cabaran Membesarkan Anak-Anak Autisme Daripada Perspektif Ibu (The Challenges Of Nurturing Autistic Children From The Mother's Perspective). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(1).

### **Laman Sesawang**

World Health Organization <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/autism-spectrumdisorders#:~:text=It%20is%20estimated%20that%20worldwide,figures%20that%20are%20substantially%20higher.> di layar pada 21 Oktober 2023.